Published on *Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)* (http://jhev.gov.my)



# Bayar SVTB1M Mulai Januari 2013

**SIBU, 1 Nov 2012** - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan bersetuju memberi sumbangan sebanyak RM1,000 secara sekali gus (one-off) kepada 234,500 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada pegawai dan lain-lain pangkat di seluruh negara.

Menurut beliau, Sumbangan Veteran Tidak Berpencen (STB1M) itu akan dibayar mulai Januari 2013 dan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM234.5 juta.

"Sumbangan ini akan ditanggung bersama oleh kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)" katanya semasa melancarkan STB1M pada majlis makan malam Kempen Rayuan Hari Pahlawan ke-52 di sini malam kelmarin.

Penerima atau veteran itu terdiri daripada mereka yang berkhidmat kurang daripada 21 tahun, bersara awal dan tidak berpencen, telah dibersarakan atau menamatkan perkhidmatan secara terhormat tanpa mengira tarikh mula berkhidmat, manakala tarikh tamat tempoh perkhidmatan adalah pada atau sebelum 31 Disember 2012.

**Sumber : Akhbar KOSMO**